

TAJUK: WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

NAMA: SAYANG ELYIANA AMIERA BINTI HELMEY

NO. MATRIK: A20EC0143

NO. K/P: 000304-01-1594

KURSUS/ SECT: UHIS 1022 – 79

Pada 10 Januari 2021 (Sabtu), satu webinar telah berlangsung secara langsung selama 2 jam di laman sosial Facebook. Webinar ini membincangkan tentang Wacana Dekolonisasi Intelektual yang diacarakan oleh Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman dan panelnya ialah Prof Dr. Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr. Nasruddin bin Yunos.

Tujuan webinar ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar yang mengambil kursus UHIS 1022 dan memberi persediaan kepada mereka dari segi mental dan fizikal dalam memahami isu-isu berkaitan dengan dekolonisasi. Moderator juga berharap agar pelajar dapat pengetahuan untuk berfikir dengan baik dan menentukan hala tuju jati diri sebagai rakyat Malaysia mengikut acuan pembangunan negara.

Dr. Kamaruzaman berkata, demi pemahaman yang lebih mendalam mengenai dekolonisasi, istilah kolonialisasi dan neokolonialisasi juga perlu difahami. Kolonialisasi merupakan satu idea dan usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah yang juga boleh disebut sebagai *colonial* ataupun kuasa imperial. Sebagai contoh, *The White's Man Burden* di mana orang barat menganggap bahawa telah menjadi tanggungjawab mereka untuk memodenkan dan memajukan orang bukan berkulit putih (orang yang tidak bertamadun). Kolonialisasi juga dikaitkan dengan usaha mendapatkan sumber asli dan tenaga manusia. Kesan daripada ini adalah berlakunya penghambaan akal budi kepada negara dijajah, menganggap bahawa barang yang dibawa dari barat adalah baik dan melahirkan mentality kolonial.

Dekolonisasi pula berlaku dalam dua bentuk iaitu rundingan dan melalui perperangan menentang penjajah. Proses dekolonialisasi ini bertujuan untuk memastikan kuasa autonomi, pembebasan dari segi ekonomi dan politik serta keadilan dikembalikan semula kepada penduduk tempatan. Secara ringkas, dekolonialisasi adalah satu proses yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin tempatan untuk memastikan unsur-unsur penjajah dalam pelbagai aspek dapat dikurangkan dan dihapuskan.

Menurut Dr. Nasruddin, dekolonisasi pemikiran adalah membebaskan diri daripada pengaruh penjajah dari segi pemikiran. Bahasa merupakan aspek penting dalam dekolonisasi pemikiran kerana bahasa bersifat sarat nilai. Ini bermaksud bersama dengan bahasa itu, kita akan membawa cara bahasa itu berfikir. Jadi, kita perlu menjaga sempadan mempelajari Bahasa Inggeris supaya nilai yang dibawa dapat dikawal dan disatukan dengan nilai tempatan. Kita juga perlu memperkuatkannya penguasaan bahasa tempatan iaitu Bahasa Melayu atau bahasa dialek kerana bahasa akan membawa nilainya.

Dari sudut budaya pula, jika kita terlalu mengikut budaya barat kita akan menjadi keliru dengan identiti kita sendiri. Sebagai contoh, muzik dan hiburan yang ditayangkan semasa hari kemerdekaan bersifat barat, ini menyebabkan muzik asli negara kita terpinggir dan pemakaian pakaian tradisional kaum masing-masing juga semakin hari semakin dilupai. Selain itu, kini ramai yang memilih untuk tidak beragama, mereka lebih fokus pada kuasa diri manusia dan ini menyebabkan mereka tidak lagi mempunyai hubungan dengan alam dan tuhan. Sepatutnya, kita perlu melihat dari kaca mata sendiri dan melepaskan kita daripada pemikiran penjajahan.

Dr. Kamaruzaman menrangkkan tentang neokolonisasi yang bermaksud ia datang semula dalam bentuk penjajahan yang baru dari segi penguasaan ketenteraan dan secara pentadbiran langsung. Penjajah juga menggunakan istilah baru untuk menunjukkan kepada negara yang pernah dijajah bahawa mereka datang dalam bentuk yang lebih baik seperti globalisasi. Ini telah menyebabkan negara ketiga dan negara yang sedang membangun dikuasai semula dari segi ekonomi, teknologi baru dan keselamatan. Mereka mengatakan bahawa mereka ingin memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, melakukan perpindahan teknologi dan memastikan supaya negara-negara tersebut dijamin dan dibantu oleh negara yang maju.

Dr. Najwa megalukan soalan tentang langkah yang wajar bagi kerajaan laksanakan untuk mengembalikan citra dan jati diri rakyat yang berbilang kaum di Malaysia. Dr. Nasruddin menjawab bahawa banyak aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam usaha mengembalikan citra dan jati diri rakyat antaranya dari segi dasar yang telah dilaksanakan perlu dihayati dan dilaksanakan sebaiknya. Usaha kerajaan sahaja tidak cukup, kita sebagai rakyat Malaysia sendiri perlu menyokong usaha kerajaan dalam mengaplikasikan dasar-dasar kerajaan seperti pendidikan rukun negara, pengukuhan bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan penerapan jati diri perlu dilakukan seawal usia ketika para pelajar masih buta etnik. Apa yang kita perlu lakukan adalah lebih penting daripada kerajaan lakukan.

Seterusnya, peranan pelajar dalam konteks pembangunan negara mengikut acuan negara Malaysia menurut Dr. Kamaruzaman adalah pelajar perlu bersedia untuk belajar secara berterusan melalui pendidikan secara formal dan tak formal. Pelajar tidak boleh berhenti pengajian setakat habis sekolah mahupun universiti. Pelajar juga perlu bersedia untuk jadi pakar dlm bidang masing-masing dengan mendapat keputusan peperiksaan yang baik, bijak kawal tindakan mengikut situasi dan sentiasa gunakan akal tanpa henti.

Menurut Dr. Nasruddin pula, kita perlu tahu, faham dan mengaku bahawa kita telah dijajah dari sudut pemikiran epistemologi. Jika kita ingin mengekalkan sikap sompong, kita tidak akan bertoleransi dan berlapang dada dalam usaha membagunkan negara. Selain itu, pelajar perlulah memupuk rasa bangga menjadi rakyat Malaysia dan mahir dalam kearifan tempatan sebelum mencampurkan dengan kemahiran saintifik. Semua pihak perlu bersatu dalam membangkitkan ilmu tempatan yang semakin pupus agar tidak dilupakan dek zaman.

Kesimpulannya daripada webinar ini, saya sedar bahawa setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan bangsa perlu ada sikap jati diri yang kukuh walau di mana sahaja kita berada demi mengekalkan kemerdekaan dan keharmonian negara serta mengelakkan kita dari dijajah dari segi mental. Sebagai seorang pelajar, saya perlu mengajar diri saya untuk bersedia bekerjasama dengan semua kaum sedaya yang mampu selain berlapang dada bergaul dengan kaum lain tanpa mengira warna kulit dan bahasa.